


Selami dunia forensik

Petaling Jaya: Pelajar Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan lawatan sambil belajar ke Jabatan Forensik Malaysia di sini bagi mendalami aspek pembuktian.

Pensyarah kanan FSU, Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata pendedahan berkaitan aspek undang-undang keterangan itu penting bagi memastikan pelajar memahami proses pengadilan yang mampu memberi kepastian kepada hakim mengenai kesahihan peristiwa yang diketengahkan sebagai kes dalam mahkamah.

"Pada zaman moden ini, dengan bantuan tenaga pakar, pihak mahkamah



Dr Muzaffar Syah Mallow

juga sudah boleh menerima bahan bukti yang boleh dianggap baharu serta canggih sebagai keterangan termasuk pemprofilan forensik DNA, laporan kriminalistik dan toksikologi.

"Aktiviti lawatan seumpama ini amat dinantikan

oleh pelajar kerana memberi mereka pendedahan mengenai kaedah pembuktian terkini dan mengatasi rasa bosan terhadap mata pelajaran tertentu yang memerlukan penumpuan tinggi," katanya.

Kes jenayah

Muzaffar Syah berkata, pelajar melawat bahagian kriminalistik yang secara amnya mengendalikan pemeriksaan ke atas bahan bukti fizikal berkaitan dengan kes jenayah, merangkumi pemeriksaan senjata api, pemeriksaan kenderaan, bahan bukti surih, cakera optik cetak rompak serta penyiasatan tempat kebakaran.

Katanya, pelajar juga didehkan kepada bahagian pemprofilan forensik DNA yang kini menjadi kaedah



Pelajar USIM yang menyertai lawatan ke Jabatan Forensik Malaysia di Petaling Jaya.

paling berkesan untuk membanteras jenayah.

Antara lain, pelajar dapat mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana analisis DNA digunakan untuk menyelesaikan kes jenayah berat, contohnya pembu-

nuhan, rogol atau gangguan seksual, pengenalpastian mayat, kes pembuangan bayi dan rompakan.

"Pelajar juga melawat bahagian perkhidmatan pemeriksaan dokumen seperti pemeriksaan tulisan tangan,

tantangan, dan pengu-bahsuaian dokumen.

"Ia benar-benar memberi gambaran yang berkesan terhadap pelajar untuk lebih memahami subjek yang dalam kuliah," katanya.